

**[COMPARISON OF THE PROCEDURE OF LINEAGE DETERMINATION AND ITS IMPLEMENTATION IN MAGHRIBI AND INDONESIA: A LITERATURE REVIEW ON ISLAMIC VIEWS AND FORM OF IMPLEMENTATION]**

**PERBANDINGAN PERLAKSANAAN PENSABITAN NASAB DI NEGARA ISLAM MAGHRIBI DAN INDONESIA: KAJIAN LITERATUR TERHADAP HUJAH SYARAK DAN BENTUK PERLAKSANAAN**

NURUL HASNA HAZNI<sup>1\*</sup>  
MOHD AKRAM DATO' DAHAMAN @DAHLAN<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Jabatan Tamadun & Falsafah, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia

\*Corresponding author: akram@uum.edu.my

Received Date: 7 November 2019 • Accepted Date: 28 April 2020

**Abstract**

*There are several methods in determining lineage (al-Nasab) in Islam such as al-firasy, iqrar, bayyinah, qiyafah and qur'ah. Islamic countries like Maghribi and Indonesia has been one step forward in strengthening the country's Judicial Institution by implementing other option besides al-firasy for the matter of lineage determination especially for the offspring who does not have right in lineage through only al-firasy or in other word, a child that born out of wedlock. Therefore, observations are done to see Islamic views that are used by judicial system in Maghribi and Indonesia in drafting the law and deciding the implementations of methods for cases involving lineage determination. This observation also includes the comparisons on how the law is implemented legislatively on the Islamic society in Maghribi and Indonesia. Literature review method is used and the analysis details is via content analysis method. This is an initiative to assist further discussion on the issue of lineage determination in Malaysia.*

**Keywords:** Lineage Determination; Out of Wedlock Offspring; Judicial Institution; Maghribi; Indonesia; Malaysia

## Abstrak

Terdapat beberapa kaedah penetapan nasab dalam Islam seperti al-firasy, iqrar, bayyinah, qiyafah dan qur'ah. Negara-negara Islam seperti Maghribi dan Indonesia telah terkehadapan dalam memperkuuhkan institusi kehakiman dengan mengambil kaedah lain selain al-firasy untuk urusan penasaban anak, terutama bagi anak yang tidak mempunyai hak penasaban melalui al-firasy semata-mata atau lebih tepat, anak tidak sah taraf. Justeru, penelitian dilakukan untuk melihat hujah syarak yang diguna pakai oleh kehakiman Maghribi dan Indonesia dalam menggubal undang-undang dan memutuskan penggunaan sesuatu kaedah dalam kes pensabitan nasab. Penelitian ini juga merangkumi perbandingan bentuk perlaksanaan di sudut perundangan berkaitan penasaban dalam masyarakat Islam di Maghribi dan di Indonesia. Metode kajian literatur digunakan dan perincian analisa data melalui kaedah analisis kandungan. Usaha ini adalah untuk membantu ke arah perbincangan lanjut mengenai isu penasaban di Malaysia.

**Kata kunci:** Pensabitan Nasab, Anak Tidak Sah Taraf, Institusi Kehakiman, Mahgribi, Indonesia, Malaysia.

**Cite as:** Nurul Hasna Hazni & Akram Dato' Dahaman @Dahlan. 2020. Perbandingan Perlaksanaan Pensabitan Nasab di Negara Islam Maghribi dan Indonesia: Kajian Literatur Terhadap Hujah Syarak dan Bentuk Pelaksanaan. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 21(1): 253-264.

## PENGENALAN

Pensabitan nasab merupakan keperluan dan hak seorang anak. Ibnu 'Asyur (2014), menekankan bahawa penasaban adalah sesuatu yang daruri dan memelihiaranya adalah salah satu daripada maqasid al-syariah. Proses penetapan ini penting kerana tersabit atau tidak nasab seseorang anak itu kepada bapa biologi akan menentukan statusnya, sama ada sebagai seorang anak sah taraf atau pun tidak. Kesan anak tidak sah taraf membawa kepada terputusnya jalur antara anak dengan bapa. Oleh sebab itu, anak tidak mendapat sebarang hak nafkah, pewarisan, pewalian dan mahram dari jalur bapa, kerana, anak hanya mempunyai hubungan nasab dari jalur ibu (Wahbah Zuhaili, 2010). Terdapat beberapa kaedah penetapan nasab dalam Islam seperti al-firasy, iqrar atau istilhaq, bayyinah, qiyafah dan qur'ah.

Di Malaysia, penetapan nasab adalah menggunakan konsep al-firasy atau pernikahan dengan syarat kehamilan adalah lebih dari enam bulan dari tarikh dukhul. Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) memilih mengklafikasikan anak tidak sah taraf sebagai anak hasil dari hubungan di luar al-firasy seperti zina atau rogol, serta anak yang dilahirkan kurang dari enam bulan dari tarikh dukhul selepas pernikahan. Peruntukan yang sama turut telah diwartakan di negeri-negeri dalam Malaysia menggunakan pelbagai sighah (Paizah, 2013) kecuali Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis.

Jawatankuasa Fatwa Negeri (JFN) Perlis mengambil pandangan berbeza dalam perkara ini, iaitu dengan hanya meletakkan syarat al-firasy, tanpa penetapan enam bulan kehamilan bagi

tujuan penasaban. JFN Perlis telah mewartakan fatwa semenjak tahun 2008 dan dikemas kini pada tahun 2012, dengan sighah seperti berikut: "Anak yang lahir kurang 6 bulan selepas ibunya berkahwin, boleh dibinkan kepada suami ibunya, kecuali jika dinafikan oleh si suami" (Jabatan Mufti Negeri Perlis, 2012).

Namun, pewartaan fatwa JFN Perlis ini tidak dipersetujui dan dianggap menyalahi syarak (Farah Marshita & Ahmad Suhael, 2017). Fatwa ini juga dianggap cenderung untuk menghalalkan perbuatan zina di masa hadapan (Shakira, 2017).

Dalam pada itu, di peringkat antarabangsa, Maghribi dan Indonesia, dua buah negara yang berpenduduk majoriti Islam, telah mengambil langkah mempraktikkan kaedah lain dalam pensabitan nasab. Kaedah lain ini adalah seperti pengakuan bapa biologi, bayyinah dari kesaksian dua orang dewasa serta kehakiman melalui ujian DNA. Pensabitan ini melibatkan anak-anak yang lahir sama ada di dalam al-firasy atau tidak. Justeru kajian literatur ini dilakukan bagi melihat sama ada bentuk perlaksanaan di dua negara Islam ini selari dengan kaedah syarak atau melanggari hukum asal penasaban dalam Islam. Hal ini bertujuan untuk meneliti kesesuaian bentuk perlaksanaan tersebut dilaksanakan di Malaysia.

### **PEMBAHARUAN AKTA MOUDAWANA: RANG UNDANG-UNDANG KEKELUARGAAN DI MAGHRIBI**

Pada tahun 2004, Rang Undang-Undang kekeluargaan di Maghribi telah direformasikan dengan beberapa perubahan berdasarkan tuntutan semasa dalam masyarakat. Perkara yang dititikberatkan dalam pembaharuan ini adalah mengenai kebajikan anak-anak (Foblets, 2007; Schlumpf, 2016). Hal ini kerana, realiti yang berlaku di Maghribi adalah pembuangan dan pengabaian bayi oleh ibu hamil luar nikah. Purata sebanyak 6,000 anak buangan dilaporkan dalam setahun (Look, 2010).

Oleh hal yang demikian, antara pembaharuan yang telah diwartakan adalah mengenai pensabitan nasab anak yang dilahirkan di luar al-firasy, namun dapat dibuktikan hubungan dengan jalur bapa melalui kaedah-kaedah lain. Perincian mengenai perkara ini berada di bawah subtopik penasaban dan subtopik pensabitan jalur bapa serta kaedah penentuannya di dalam bab ketiga Akta Moudawana.

Bermula dengan Artikel 152, 153, 154 dan 159 Moudawana, Akta Kekeluargaan memutuskan bahawa kaedah umum penasaban kepada jalur bapa, ialah melalui al-firasy. Pensabitan yang memenuhi syarat ini tidak boleh disangkal kecuali dengan perbuatan li'an berserta bukti tuduhan zina isteri oleh suami.

Selain itu, pengesahan nasab berlaku dalam situasi seperti Artikel 151, 155 dan 156 Moudawana, iaitu melalui persetubuhan syubhah atau persetubuhan yang berlaku dalam tempoh pertunangan, dengan syarat pertunangan berlaku di bawah pengetahuan keluarga bagi kedua-dua belah pihak. Merujuk Artikel 16, 153, 156 dan 158 Moudawana, ujian DNA boleh dilakukan bagi situasi bapa tidak mengakui bahawa anak yang dilahirkan adalah anak biologinya, tanpa dapat membawa bukti li'an sama ada dalam kelahiran al-firasy atau persetubuhan syubhah.

Kaedah-kaedah pensabitan tersebut adalah sebagai langkah ke arah mengekang dan menyulitkan lelaki yang telah menghamilkkan seorang perempuan daripada perbuatan menidakkann nasab dan berlepas tangan terhadap kebajikan anak (Buskens, 2010; Schlumpf,

2016). Hal ini kerana, Artikel 145 dan 157 Moudawana memperakui bahawa, nasab yang telah tersabit walaupun di luar dari al-firasy, akan mengiktiraf anak sebagai anak sah taraf dan mendapat hak yang sama dalam mahram, nafkah, pewarisan dan pewalian dari jalur bapa.

Bagi memastikan ketelitian dalam perlaksanaan pensabitan nasab yang berlaku di luar dari konteks asal, iaitu alfirasy dengan syarat enam bulan kehamilan ini, mekanisma saintifik seperti ujian DNA diperlukan dalam proses pengesahan sabitan nasab. Oleh kerana itu, Maghribi menggunakan kaedah DNA dalam perlaksanaan kepada pembaharuan Akta Moudawana (Serrano-Ruano, 2018) terutama apabila berlaku kes tuntutan pensabitan nasab anak kepada bapa biologi oleh ibu anak tersebut. Namun, hanya hakim yang mempunyai kuasa untuk menentukan sama ada ujian DNA perlu atau tidak dalam sesuatu kes perbicaraan. Hal ini kerana, metod utama seperti alfirasy, iqqrar dan bayyinah adalah keutamaan pihak hakim dalam pensabitan nasab (Fobles, 2007; Schlumpf, 2016).

## **HUJAH KEPADA PEMBAHARUAN HUKUM PENSABITAN NASAB ANAK**

Secara umum, Maghribi mengambil Mazhab Maliki sebagai mazhab utama negara. Hal ini tercatat di dalam risalah terbitan Kementerian Hal Ehwal Awam dan Islam tulisan Abdul Salam al-Asri (1996), mengenai saranan rujukan kepada qaul al-rajih, al-masyhur atau al-amal dalam Mazhab Maliki bagi hal-hal yang tidak termaktub dalam akta perundangan. Menurut al-Asri (1996), asas rujukan hukum oleh perundangan Maghribi adalah menggunakan kaedah Usul Fiqh dan Fiqh Islami. Bagi masalah fiqh, rujukan perlu berpandukan kepada Mazhab Maliki sepenuhnya. Manakala, bagi masalah yang memerlukan kepada kaedah istinbat hukum menggunakan ilmu Usul Fiqh, kebebasan diberikan kepada pihak yang terlibat untuk mengambil pandangan dari mana-mana empat mazhab besar iaitu, Mazhab Hanafi, Syafii, Hanbali dan Maliki. Namun disarankan untuk mengambil pandangan yang cenderung dengan Mazhab Maliki.

Selain itu, berdasarkan perundangan Maghribi, raja selaku Amirul Mukminin berada di atas posisi yang boleh mengeluarkan ijтиhad serta boleh melakukan rombakan dalam perundangan dan adat (*The Moroccan Family Code: Moudawana*).

Pembaharuan Akta Moudawana ini merupakan tanda aras usaha serius kerajaan Maghribi dalam membawa keadilan dan pembaharuan kepada masyarakat, tanpa meminggirkan tuntutan ajaran Islam (Harrak, 2009). Keutamaan perubahan akta ini adalah pembelaan ke atas wanita dan anak-anak (Foblets, 2007; Harrak, 2009; Monjid, 2014) Menurut Dr. Mariam Monjid (2014), Islam sebagai agama dan sistem hidup merupakan pegangan perundangan di Maghribi. Walaupun didapati terdapat undang-undang yang berbeza dengan pelaksanaan di negara Islam yang lain, undang-undang tersebut tetap digubal berpandukan kepada hukum syarak.

Monjid (2014) menyifatkan keputusan Akta Moudawana dalam konsep pensabitan jalur bapa adalah dengan mengetengahkan perbezaan antara filiation parentage (bounowwa) dengan filiation paternelle (nasab). Nasab adalah pengiktirafan hubungan antara bapa biologi dengan anak melibatkan situasi anak sah taraf sahaja. Sebaliknya, bounowwa adalah hubungan antara anak dengan kedua ibu bapa yang berperanan dalam proses pemberian anak, tanpa membezakan sama ada anak tersebut sah taraf atau tidak, seperti mana termaktub dalam Artikel 142 Moudawana.

Foblets (2007) menjelaskan bahawa pembaharuan Moudawana tidak menghalalkan zina kerana anak yang lahir di luar alfirasy atau di luar persetubuhan syubhah tetap diakui sebagai anak tidak sah taraf. Akta kekeluargaan ini hanya mengiktiraf maslahah ke atas keraguan yang membolehkan wujudnya nasab dan menerima bentuk penasaban iqrar atau istilhaq.

Menurut Prof Dr Leon Buskens (2010), perlaksanaan pembaharuan Akta Moudawana bermaksud, memberi bidang kuasa yang lebih luas kepada hakim mensabitkan jalur bapa kepada anak serta mensabitkan kewujudan sesuatu pernikahan. Bidang kuasa ini adalah selaras dengan konsep keluasan ijtihad yang berpandukan kepada dalil syarak. Misalnya melalui Artikel 16, hakim mempunyai kuasa untuk mengesahkan kontrak pernikahan walaupun pernikahan itu terdapat kelompongan. Hal ini kerana, kehamilan dan kelahiran anak diambil sebagai bukti kewujudan kontrak pernikahan. Selanjutnya, Artikel 155 dan 156 memperakui bahawa apabila pihak lelaki dan pihak perempuan menyangka mereka berada dan sedang mempertahankan hubungan suami dan isteri, walaupun tanpa kontrak pernikahan yang rasmi, hal demikian termasuk dalam situasi berlaku syubhah.

Prof Dr Ahmad al-Raisuni ketika ditemubual memperakui bahawa tindakan Mahkamah Maghribi mensabitkan nasab anak yang lahir di luar pernikahan syar'i kepada bapa biologi, sebagai tindakan yang sah. Tambah beliau, mahkamah juga perlu memerintahkan bapa biologi itu untuk menafkahai anak perempuannya kerana nafkah adalah salah satu hal yang daruri selepas penasaban (Hukum qada-i, 2017).

Beliau juga menjelaskan hujah syarak yang membenarkan pensabitan nasab anak melalui keterangan di dalam video yang bertajuk “fi ithbat al-nasab kharij itar al-zawaj wa dabit zalik” (2018). Menurut Prof Dr al-Raisuni (2018), isu menasabkan anak di luar pernikahan kepada bapa biologi ini dibenarkan syarak berdasarkan kepada pandangan Ibnu Taimiyah dan Ibnu Qayyim al-Jauziyah. Selain itu, terdapat hadis mengenai kisah ahli ibadah bernama Juraij yang dituduh berzina oleh perempuan yang hamil luar nikah. Hadis ini bermaksud: “Juraij mendatangi bayi yang baru dilahirkan itu dan bertanya, “Wahai bayi, siapakah bapamu?” Jawab bayi itu, “Si pengembala” (Hadis Riwayat al-Bukhari, no. 3436).

Berdasarkan hadis ini, didapati untuk anak yang tidak diketahui nasabnya atau anak zina, nasab boleh tersabit berdasarkan pengakuan sama ada oleh bapa kepada anak atau oleh anak kepada bapa.

## **PERLAKSANAAN DI INDONESIA BERDASARKAN KEPUTUSAN MAHKAMAH KONSTITUSI**

Di Republik Indonesia, agama Islam tidak menjadi agama rasmi Undang-Undang Dasar Negara (UUDN) walaupun jumlah penganut Islam adalah yang tertinggi, iaitu sebanyak 87.2 persen (Indonesia: People and society, 2019). Di dalam Bab XI pasal 29 (Agama), UUDN Republik Indonesia hanya menyebut:

1. Negara berdasar atas Ketuhanan Yang Maha Esa” (Undang-Undang Dasar Negara: 15)  
Oleh kerana itu, pemerintah tidak terikat dengan hukum syarak di dalam membuat keputusan atau penggubalan undang-undang. Selain itu, Indonesia mempunyai tiga bentuk pemikiran Islam yang berpengaruh dan bertentangan, iaitu pemikiran liberal, fundamental dan radikal (Ahmad Ali, 2005).

Pada tahun 2012, Mahkamah Konstitusi (MK) melalui kes MK No.46/PUUVIII/2010, telah membenarkan rayuan ibu kepada anak yang lahir dari pernikahan tanpa daftar untuk dinasabkan kepada bapa biologi. Penghujahan pihak pendakwaraya adalah berdasarkan alasan:

2. Menyatakan Pasal 2 ayat (2) dan Pasal 43 ayat (1) UU Perkawinan , bertentangan Pasal 28B ayat (1) dan ayat (2) serta Pasal 28D ayat (1) UUD 1945;
3. Menyatakan Pasal 2 ayat (2) dan Pasal 43 ayat (1) UU Perkawinan, tidak mempunyai kekuatan hukum yang mengikat dengan segala akibat hukumnya” (Putusan Nomor 46/PUU-VIII/2010: 11)

MK mengiktiraf pernikahan tanpa daftar oleh pasangan ini kerana pernikahan adalah sah sekiranya memenuhi syarat yang diiktiraf agama pasangan , namun kewujudannya memerlukan kepada pendaftaran.

MK juga mengiktiraf sebarang penggunaan teknologi untuk menghubungkaitkan bapa dengan anak biologi . MK berpendapat Pasal 43 ayat (1) tidak mempunyai kekuatan untuk melupuskan hubungan biologi antara anak dengan bapa dalam hal yang dapat dibuktikan oleh teknologi sains seperti ujian DNA, “sehingga ayat tersebut harus dibaca, “Anak yang dilahirkan di luar perkawinan mempunyai hubungan perdata dengan ibunya dan keluarga ibunya serta dengan laki-laki sebagai ayahnya yang dapat dibuktikan berdasarkan ilmu pengetahuan dan teknologi dan/atau alat bukti lain menurut hukum mempunyai hubungan darah, termasuk hubungan perdata dengan keluarga ayahnya” (Putusan Nomor 46/PUU-VIII/2010: 37)

Menurut Ahmad Marachul (2016), keputusan MK dilihat memenuhi logik kemanusiaan iaitu konsekuensi yang menghubungkan antara anak kehamilan luar nikah dengan bapa biologi, sehingga mewujudkan hak dan kewajipan anak dari bapa biologi. Hubungan ini terlebih dahulu dibuktikan oleh pengesahan ujian DNA yang ketepatannya tidak disangkal lagi. Keputusan ini dilihat berdasarkan kepada keadilan rasional, apabila mengiktiraf hubungan anak-bapa yang wujud bukan sahaja dari pernikahan, tetapi juga melalui hubungan darah.

Sri Budi (2014) dan Prihatini (2016) berpendapat, keputusan MK memberi manfaat kepada anak-anak tidak sah taraf hasil pernikahan sirri atau pernikahan rahsia yang popular di dalam masyarakat Indonesia. Hal ini kerana, memutuskan hubungan anak tidak sah taraf dengan bapa biologi adalah tindakan menguntungkan lelaki kerana membenarkan mereka bersikap lepas tangan.

Perubahan ini juga menepati hak asasi kemanusiaan, iaitu pemeliharaan hak-hak anak yang perlu dipenuhi oleh negara serta ibu bapa yang melahirkannya. Hal ini kerana, apa-apa akta yang berkaitan kelahiran anak adalah sesuatu yang asasi kerana bersangkutan dengan identiti, status kewarganegaraan dan jalur keluarga seseorang. Anak yang menghadapi kesulitan pendaftaran identiti bukan sahaja memberi risiko kepada diri sendiri, tetapi juga kepada masyarakat dan negara (Prihatini, 2016; Ahmad Farahi & Ramadhita, 2016).

Oleh hal yang demikian, Muhammad Ubayyu dan Siti Djazimah (2017) mendapatkan tiga pertimbangan MK dalam membuat keputusan tersebut adalah selari dengan syarak dan memenuhi maqasid syariah perihal hifz al-nasl. Tiga pertimbangan MK itu ialah (a) penasaban adalah untuk melindungi anak luar nikah yang sering kali mempunyai stigma masyarakat dan

tidak mempunyai sokongan perundangan; (b) MK melihat kepada ketidak adilan untuk membiarkan hanya ibu menanggung beban tanggungjawab sedangkan anak merupakan hasil dari hubungan antara lelaki dan perempuan; dan terakhir (c) perkembangan ilmu sains dan teknologi dapat membantu membuktikan lelaki tertentu sebagai bapa biologi anak tidak sah taraf.

#### 4. Kritikan Terhadap Keputusan Mahkamah Konstitusi

Namun, keputusan MK tidak dipersetujui oleh Majelis Ulama Indonesia (MUI) kerana didapati bertentangan dengan dalil syarak mengenai pensabitan nasab anak zina. MUI sebaliknya mencadangkan beberapa kaedah yang lebih menepati pandangan sarjana Islam iaitu: “Pertama (Ketentuan Umum): ...4. Wasiat wajibah adalah kebijakan ulil amri (penguasa) yang mengharuskan laki-laki yang mengakibatkan lahirnya anak zina untuk berwasiat memberikan harta kepada anak hasil zina sepeninggalnya...

Kedua (Ketentuan Hukum): ...5. Pemerintah berwenang menjatuhkan hukuman ta’zir kepada lelaki pezina yang mengakibatkan lahirnya anak dengan mewajibkannya untuk: (a) mencukupi kebutuhan hidup anak tersebut; dan (b) memberikan harta setelah ia meninggal melalui wasiat wajibah. 6. Hukuman sebagaimana dimaksud nomor lima bertujuan melindungi anak, bukan untuk mensahkan hubungan nasab antara anak tersebut dengan lelaki yang mengakibatkan kelahirannya” (Majelis Ulama Indonesia, 2012: 9-10).

Keputusan MK ini mendapat kritikan dari golongan fundamental kerana memberikan kesamarataan sah taraf dan penasaban antara anak zina dengan anak yang lahir dari pernikahan (Prihatini, 2016). Perbuatan memberi hak penasbaan yang sama ini berlaku kerana keputusan MK melampaui tuntutan asal plaintif iaitu permohonan pengiktirafan nasab anak dari pernikahan sirri sahaja (Darda, 2017). Keputusan ini memerlukan kepada pewartaan hukum yang lebih jelas dan kukuh kerana berbentuk terlalu umum dan multi tafsir (Ahmad Farahi & Ramadhita, 2016).

Marilang (2016) memperincikan maksud “anak yang dilahirkan di luar perkawinan” dari kenyataan MK dan didapati kenyataan ini membawa kedua-dua maksud, iaitu anak yang lahir dari pernikahan sah tanpa pendaftaran serta anak tanpa pernikahan (anak zina). Perkara ini dilihat bertentangan dengan kesepakatan sarjana Islam terhadap larangan penasaban anak zina kepada bapa biologi tanpa pernikahan. Marilang (2016) juga mengetengahkan larangan sarjana terhadap penggunaan ujian DNA dalam menentukan nasab anak yang lahir hasil pezinaan di luar pernikahan.

Oleh kerana itu, Sri Budi (2014) melihat kepada keperluan penghujahan MK ini dinilai secara khusus hanya melibatkan kes anak dari pernikahan sirri agar penasaban tidak mengganggu hukum-hukum lain kesan daripada tindakan tersebut. Sri Budi (2014) berpendapat hujah utama keputusan MK iaitu perlindungan anak dengan meletakkan “kepentingan si anak” yang lahir dalam keadaan suci tanpa harus menanggung akibat perbuatan pihak-pihak yang menyebabkan kelahirannya adalah suatu tindakan tepat. Namun “kepentingan si anak” iaitu mengenai kewajiban (alimentasi) ini, boleh diberi perhatian dan tindakan yang berfokus sahaja seperti perlindungan nafkah hidup atau keterikatan bapa memenuhi kebutuhan hidup anak sehingga mampu mandiri.

## 5. Penasaban Anak Zina Berdasarkan Pandangan Fuqaha

Jumhur fuqaha bersepakat bahawa anak zina tidak boleh dinasabkan kepada bapa biologi, sebaliknya hanya dinasabkan kepada jalur ibu sahaja (Ibnu Qudamah, 1968; Zaidan, 1993; Ibnu Hizam, 2002). Hal ini berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

“anak itu untuk al-firasy (dinasabkan kepada lelaki yang berada dalam pernikahan) manakala lelaki yang berzina di tegah (dari penasaban)” (Hadis riwayat al-Bukhari no. 6749)

Dalam masa yang sama, terdapat fuqaha yang membenarkan penasaban anak zina iaitu Ibnu Taimiyah (1987), Yusuf al-Qardhawi (2006), Muhammad Soleh al-‘Uthaimin (2007) dan Ibnu Qayyim al-Jauziyah (2010). Hal ini kerana, fuqaha berpendapat bahawa konteks hadis “anak itu untuk al-firasy” ini adalah pada situasi pertembungan antara pengakuan pelaku zina dengan pemilik al-firasy (suami). Sebaliknya jika ibu kepada anak hasil penzinaan itu tidak terikat dengan al-firasy, pengakuan lelaki penzina sebagai bapa biologi adalah diterima (Ibnu Taimiyah, 1987; al-‘Uthaimin, 2007; al-Jauziyah, 2010).

Al-Qardhawi (2006) mensyaratkan berlakunya iqrar oleh lelaki yang berzina dengan ibu bahawa anak tersebut adalah anak biologinya untuk berlakunya pensabitan nasab. Sekiranya tidak berlaku iqrar, dan kelahiran bukan di dalam al-firasy sama ada sahih, fasid atau syubhah, anak tidak boleh dinasabkan kepada bapa walaupun berlaku dakwaan oleh ibu.

Pendapat iqrar sebagai kaedah penasaban anak zina ini adalah pendapat yang sama dengan sarjana klasik seperti Ishak bin Rahuyah, Urwah bin Zubair, Sulaiman bin Yasar dan Hasan al-Basri. Menurut al-Jauziyah (2010), Sulaiman Bin Yasar pernah menghakimi seorang lelaki yang mengaku bahawa anak yang baru dilahirkan itu adalah anaknya, kerana dia telah berzina dengan perempuan yang melahirkan anak itu. Selepas didapati tiada pengakuan dari pihak lain, anak itu disabitkan kepada lelaki yang mengaku. Sulaiman berhujah, bahawa Saidina Umar al-Khattab telah mengekalkan nasab antara anak-anak zina dengan lelaki-lelaki yang mengaku sebagai bapa kepada anak-anak tersebut semasa jahiliyah, walaupun selepas mereka memeluk Islam. Hasan al-Basri juga ketika didatangi lelaki yang mengaku sebagai bapa kepada anak yang dilahirkan oleh seorang perempuan yang hamil di luar nikah, telah memerintahkan agar lelaki itu disebat dan disabitkan anak tersebut kepadanya.

Al-Jauziyah (2010) juga mengqiaskan situasi mengenai anak zina yang dinasabkan kepada ibu, namun disabitkan mahram ke atas jalur suami si ibu kerana proses penyusuan yang memenuhi syarat. Menurut Ibnu Qayyim al-Jauziyah, sedangkan menjadi anak susuan boleh menjadi salah satu kaedah yang mewujudkan mahram, lebih-lebih lagi air mani lelaki yang mencampuri pemberian anak adalah lebih perlu menjadi faktor pensabitan nasab seseorang anak.

Selain itu, terdapat fuqaha yang membenarkan penasaban anak zina dengan syarat, pernikahan berlaku antara lelaki penzina dengan perempuan penzina tersebut. Hanafiah berpandangan, kelahiran anak zina di dalam pernikahan antara lelaki penzina dan perempuan penzina, membolehkan anak yang lahir kurang enam bulan dari tarikh pernikahan dinasabkan kepada bapa. Namun, penasabaan mesti didahului oleh iqrar bapa tanpa disertakan pengakuan anak hasil penzinaan (Zaidan, 1993; Nizam, 2000).

Hal ini kerana, Hanafiah mengambil kira keberangkalian untuk disabitkan nasab, bagi menjaga kemaslahatan hidup dan sangkaan baik masyarakat terhadap anak dan isteri yang mengandung (Khalaf, 1938). Abdul Karim Zaidan (1993) merajihkan pandangan ini mengenai

hukum asal anak zina yang dilahirkan kurang enam bulan tidak dinasabkan kepada lelaki penzina (bapa) yang menikahi perempuan penzina (ibu). Pengecualian hanya berlaku melalui iqrar bapa tanpa pemberitahuan perihal zina.

Menurut Zaidan (1993), larangan penasaban ke atas lelaki penzina adalah sebagai hukuman ke atasnya untuk tidak mendapat hak bapa, iaitu manfaat dan kebaikan dari anak. Namun realiti, anak zina yang terhalang nasab membuatkan lelaki penzina bersikap lepas tangan terhadap akibat salah laku seksual dan tidak memperdulikan kebajikan anak tersebut. Justeru, pandangan yang membenarkan pensabitan nasab anak zina menggunakan kaedah iqrar adalah bagi menghalang lelaki penzina dari melakukan kemudaratannya terhadap anak.

## **UJIAN DNA SEBAGAI PENGESAHAN PENSABITAN NASAB**

Menurut Dr Umar Muhammad al-Sabil (2002), ujian DNA diqiyaskan kepada qiyafah dan penetapan hasil ujian DNA adalah lebih tepat. Pembuktian ujian DNA boleh membantalkan dakwaan li'an suami ke atas isteri dan juga diiktiraf sebagai sebahagian dari kaedah penasaban dalam Islam dengan beberapa syarat. Antara syarat yang ditetapkan oleh sarjana melalui kesepakatan dalam Majlis Persidangan Hal Ehwal Fiqh Islam, di bawah Majlis Ulama' Islam Sedunia, mengenai ujian DNA dalam pensabitan atau penafian nasab (al-Sabil, 2002) adalah:

- Dilarang sama sekali penggunaan ujian DNA untuk tujuan membuat pengesahan atau penafian ke atas nasab yang telah tersabit oleh alfirasy atau iqrar atau bayyinah atau qiyafah. Pemerintah perlu bertegas dalam menghalang perbuatan ini dan menghukum pihak yang melakukannya. Hal ini kerana Islam mengiktiraf kemuliaan maruah manusia dan kerhormatan nasab yang telah tersabit.
- Dilarang sama sekali penggunaan ujian DNA untuk tujuan penafian nasab lebih-lebih lagi sekiranya mendahului kaedah li'an.
- Penggunaan ujian DNA untuk membuat pengesahan nasab hanya boleh dilakukan dalam tiga keadaan, iaitu:
  - (i) anak adalah dari kategori majhul nasab kerana pertikaian bukti, sama ada bukti tidak ada atau berlaku keraguan seperti dalam situasi persetubuhan syubhah.
  - (ii) berlaku pertukaran anak kerana persamaan, seperti berlaku pertukaran di hospital, tabung uji bayi dan pusat asuhan anak.
  - (iii) pengecaman anak dalam situasi seperti kemalangan, bencana alam dan peperangan.

Majlis Persidangan Hal Ehwal Fiqh Islam turut memutuskan bahawa penggunaan ujian DNA dilarang dalam situasi (al-Sabil, 2002) seperti berikut:

- Sekiranya seorang lelaki telah melakukan iqrar terhadap anak dalam kategori majhul nasab dan memenuhi ciri-ciri iqrar, penggunaan kaedah qiyafah tidak lagi diperlukan.
- Iqrar sebahagian saudara bahawa seseorang itu adalah saudaranya tidak menjadi hujah sekiranya saudara-saudara yang lain tidak membenarkan iqrar tersebut. Nasab tidak tersabit dan tidak memerlukan ujian DNA.
- Sekiranya seorang anak disabitkan kepada seorang lelaki menggunakan kaedah qiyafah, tetapi didatangi oleh lelaki yang lain bersama bayyinah bahawa anak itu adalah anak biologinya, sabitan oleh qiyafah akan gugur dan ujian DNA tidak diperlukan. Hal ini kerana bayyinah adalah kaedah yang disepakati oleh jumhur sarjana dan mendahului qiyafah.

Walaupun ketepatannya diakui, ujian DNA tetap tidak boleh melangkaui kaedah penasaban yang lain iaitu al-firasy, iqrar dan bayyinah (al-Sabil, 2002). Oleh kerana itu, penggunaan ujian DNA untuk pensabitan nasab anak zina adalah dilarang (Dar al-ifta, 2005) tanpa didahului oleh kaedah-kaedah lain (al-Qardhawi, 2006).

## KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan sarjana, berlaku khilaf pandangan antara mereka mengenai kaedah-kaedah pensabitan nasab seorang anak. Jumhur hanya bersepakat mengenai kaedah alfirasy dengan syarat enam bulan kehamilan berdasarkan firman Allah yang bermaksud: "Sedang tempoh mengandungnya berserta dengan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa tiga puluh bulan." (al-Ahqaf 46:15)

"Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak mereka selama dua tahun genap" (al-Baqarah 2:233)

Menurut Zuhaili (2010), tempoh 30 bulan secara umum untuk proses kehamilan dan penyusuan pada ayat pertama telah dikhatuskan kepada 24 bulan tempoh penyusuan oleh ayat kedua. Bermakna, baki enam bulan yang tinggal adalah tempoh minima kehamilan seorang perempuan mengikut pandangan sarjana fiqh. Dalam masa yang sama, terdapat dalil syarak yang menyokong kaedah-kaedah penasaban lain seperti yang dibincangkan di atas seperti pernikahan syubhah dan iqrar dari bapa terhadap anak biologi.

Melalui analisis dokumentasi dari sorotan karya yang berkaitan, didapati tindakan kerajaan Maghribi dalam memperbaharui Akta Moudawana adalah memenuhi hukum syarak serta keperluan masyarakat terhadap hak-hak asasi kemanusiaan (Berkens, 2010). Objektif perlaksanaan kaedah tertentu dalam penasaban untuk memelihara anak kecil yang tidak berdosa dari kemudaratan (Bargach, 2002) dan memberi kemaslahatan dalam kehidupannya di masa hadapan, adalah pemeliharaan maqasid syariah.

Sebaliknya perlaksanaan di Indonesia bersifat terlalu umum sehingga membenarkan penasaban anak zina kepada bapa biologi dengan hanya berpandukan pengesahan ujian DNA tanpa didahului oleh kaedah lain seperti pernikahan syubhah dari al-firasy atau iqrar. Tidak dinafikan keputusan MK ini juga memberi manfaat kepada kebijakan anak tidak sah taraf dan menjaga daruri, namun kaedah perlaksanaan perlu diperhalusi agar selari dengan hukum syarak.

Justeru, pihak yang terlibat dengan perundangan penasaban anak di Malaysia boleh mengambil negara Maghribi sebagai contoh perlaksanaan kaedah penasaban yang tidak terikat dengan al-firasy dan kehamilan anak melebih enam bulan, bagi tujuan menjaga kebijakan anak yang tidak membawa dosa kesilapan ibu dan bapa.

## PENGHARGAAN

Terima kasih kepada penyelia, pihak Universiti Utara Malaysia dan pihak penganjur.

## RUJUKAN

- Ahmad Ali Nurdin. (2005). Islam and state: A study of the liberal Islamic network in Indonesia, 1999-2004. *New Zealand Journal of Asian Studies* 7(2), 20-39.
- Ahmad Farahi, & Ramadhita. (2016). Keadilan bagi anak luar kawin dalam putusan Mahkamah Konstitusi nomor 46/PUU-VIII/2010. De Jure: *Jurnal Hukum dan Syari'ah* 8(2), 74-83.
- Ahmad Marachul Bachrain. (2016). Analisis putusan Mahkamah Konstitusi No. 46/PUU-VIII/2010 tentang anak diluar nikah. *Jurnal Hukum Keluarga Islam* 1(1), 121-150.
- al-'Uthaimin, M.S. (2007). Al-syarhu al-mumta' 'ala zad al-mustaqqni'. Jilid 12. Riyad: Darul Ibnu Jauzi.
- al-Asri, A.S. (1996). Nazariyah al-akhdhi bima jara bihi al-a'mal fi Maghribi: Fi itari mazhab al-Maliki. Kementerian Hal Ehwal Awam dan Islam, Kerajaan Maghribi.
- Al-Bukhari, M. I.. (1999). Sahih al-Bukhari. Dimasyq: Darul Faiha.
- Al-Jauziyah, I.Q. (2010). Zad al-Mi'ad fi hadi khair al-'ibad. Jilid lima. Beirut: Mu-assasah al-Risalah.
- Al-Sabil, U.M. (2002). Al-basmah al-warathiyah wa mudda masyru'iyah istikhdamiha fi al-nasab wa al-janayah. Majallah Majma' al-Fiqhi al-Islami. In S. Z. Al-Marzuki, et al (Eds.) Sesi ke15, tahun ke 13. Mekah: Rabitat al-Alim al-Islami.
- Buskens, L. (2010). Syaria and National Law in Morocco. Syariah incorporated: A comparative overview of the legal system in twelve Muslim countries in past and present. J.M. Otto (Ed.), 89-138.
- Darda Pasmatuti. (2017). Analisa terhadap putusan Mahkamah Konstitusi Nomor 46/PUU-VIII/2010 mengenai status anak. *Jurnal Cendekia Hukum* 3(1).
- Fobles, M-C. (2007). Moroccan women in Europe: Bargaining for autonomy. Washington and Lee Law Review 64(4), 1385-1415.
- Ibnu Hizam, Ali bin Ahmad Sa'id. (2002). Al-muhalla bil-athar. Jilid sembilan dan sepuluh. Beirut: Draul Kutub al-Alamiyah.
- Ibnu Qudamah, Muwafaq al-Din Abdullah Bin Ahmad. (1968). Al-Mughni li Ibn Qudamah. Jilid lima dan lapan. Kaherah: Maktabah al-Kaherah.
- Ibnu Taimiyah, A. (1987). Fatawa al-Kubra. Jilid tiga. Muhammad Abdul Kadir dan Mustaffa Abdul Kadir (Ed.). Beirut: Darul Kutub al-Alamiyah.
- Khalaf, A.W. (1938). Ahkam al-ahwal al-syakhsiah fi al-syariah al-Islamiyah. Kaherah: Darul Kutub.
- Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatan Kuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Anak tak sah taraf (2003). Capaian pada 11 Julai 2019, dari:  
[http://www.islam.gov.my/images/ePenerbitan/KOMPILASI\\_MUZAKARAH\\_MKI\\_2016.pdf](http://www.islam.gov.my/images/ePenerbitan/KOMPILASI_MUZAKARAH_MKI_2016.pdf)
- Majelis Fatwa Ulama Indonesia. (2012, 10 Mac). Fatwa Majlis Ulama Indonesia Nomor: 11 Tahun 2012 tentang "Kedudukan anak hasil zina dan perlakuan terhadapnya". Capaian pada 10 Julai 2019, dari: <http://mui.or.id/wp-content/uploads/files/fatwa/Kedudukan-Anak-Hasil-Zina-dan-Perlakuan-Terhadapnya-final.pdf>
- Marilang. (2016). Legal relationship between illegitimate children and their biological father: The Analysis of Constitutional Court Decree No. 46/PUUVIII/2010 in the perspective

- of Civil and Islamic Law. JOURNAL OF INDONESIAN ISLAM 10(2), 335-354.
- Monjid, M. (2014). L'Islam et la modernité dans le droit de la famille au Maghreb. Etude comparative : Maroc, Algérie, Tunisie. Paris: L'Harmattan.
- Muhammad Ubayyu Rikza, & Siti Djazimah. (2017). Analisis maqasid asy-syari'ah terhadap keputusan MK Nomor 46/PUU-VIII/2010 dan implikasinya terhadap Hukum Keluarga Islam di Indonesia. Al-Ahwal: *Jurnal Hukum Keluarga Islam* 10(1), 37-48.
- Nizam. (2000). alFatawa alHindiah. Jilid satu. Abdul Latif Hasan (Ed.). Beirut: Darul Kutub al-Alamiyah.
- Prihatini Purwaningsih. (2016). Status anak yang dilahirkan dari perkawinan di bawah tangan menurut hukum positif Indonesia. YUSTISI 3(2), 61-77.
- Putusan Nomor 46/PUU-VIII/2010. Capaian pada 10 Julai 2019, dari: [https://www.bphn.go.id/data/documents/putusan\\_46-puu-viii-2010\\_\(perkawinan\).pdf](https://www.bphn.go.id/data/documents/putusan_46-puu-viii-2010_(perkawinan).pdf)
- Schlumpf, E. (2016). The legal status of children born out of wedlock in Morocco. Electronic Journal of Islamic and Middle Eastern Law (EJIMEL) 4.
- Sri Budi Purwaningsih. (2014). Perlindungan hukum kedudukan anak luar kawin pasca putusan Mahkamah Konstitusi No: 46/PUU-VIII/2010. Rechtsidee 1(1), 119-130.
- The Moroccan Family Code: Moudawana. (2004). Human Rights Education Associates (HREA) (Trans). Capaian pada 15 Jun 2019, dari: <https://unstats.un.org/unsd/vitalstatkb/Attachment808.aspx?AttachmentType=1>
- Undang-Undang Dasar negara Republik Indonesia Tahun 1945. Capaian pada 10 Julai 2019, dari: <http://jdih.pom.go.id/uud1945.pdf>
- Zaidan, A.K. (1993). Al-Mufasal fi ahkam al-mar'ah wa baitul muslim fi al-syariah al-Islamiyah. Jilid sembilan. Beirut: Mu-assah al-Risalah.
- Zuhaili, W. (2010). Fiqh Islami wa adillatuhu. Jilid tujuh. Damaskus: Darul Fikr